

PM seru UMNO Sabah atur langkah bentuk kerajaan

UM 22 FEB 1991

KOTA KINABALU 21 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru UMNO Sabah mengatur langkah untuk membentuk kerajaan negeri pada pilihanraya negeri akan datang dan menghapuskan apa yang dipanggilnya 'menteri-menteri balak'.

Beliau menegaskan, dengan kelahiran UMNO Sabah hari ini, ahli-ahlinya hendaklah berazam untuk menamatkan kerajaan 'menteri balak' dan menggantikannya dengan kerajaan yang betul-betul bersih dan berkhidmat untuk rakyat.

"Kita akan dirikan kerajaan yang akan kayakan keseluruhan rakyat Sabah, bukan sebilangan orang sahaja," katanya di Perhimpunan Agung USNO hari ini.

Menurut Perdana Menteri, dari tingkap kapal terbang kini boleh dilihat betapa hutan balak di Negeri Sabah sudah habis

dan betapa ahli-ahli UMNO mulai hari ini perlu berusaha membetulkan keadaan-keadaan yang membimbangkan ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berulang-kali menekankan betapa perlunya bumiputera Sabah bersatu-padu supaya mereka dapat membentuk semula kerajaan negeri di atas platform UMNO yang dianggotai oleh rakyat Sabah dari segenap lapisan hidup dan keturunan.

"Kita tidak mahu lagi 'menteri-menteri balak', tapi pemimpin yang mementingkan kebahagiaan rakyat," ujarnya.

Beliau berkata, jika para pemimpin dan ahli-ahli UMNO Sabah dapat tunjukkan kepada rakyat bahawa inilah niat UMNO, pasti ramai yang akan memberikan sokongan termasuk mereka daripada parti lawan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mengingatkan, senjata paling berkesan yang ada pada

setiap kaum di Negeri Sabah termasuk kaum yang kecil dan belum pandai, ialah perpaduan.

Katanya, jika setiap kaum itu dapat bersatu-padu dan menggembelngkan tenaga serta rela berkorban, matlamat menubuhkan UMNO Sabah sudah tentu mencapai kejayaan yang diidamkan apabila negeri ini memilih untuk memasuki Malaysia pada tahun 1963.